

TEKS PERASMIAN

**YBHG. DATO' HJ ABDUL FATTAH HJ
ABDULLAH, PRESIDEN ANGKASA**

**MAJLIS PERASMIAN WISMA
LEVIDA.MY DAN MENYAKSIKAN**

**DEKLARASI PERNIAGAAN PINTAR
(MOU)**

**PADA
17 JANUARI 2017, JAM 8.15 MLM
WISMA LEVIDA.MY, CHERAS,
SELANGOR**

Bismilahirrahmanirahim

Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh, Salam 1 Koperasi

Terima Kasih Pengacara Majlis

**Y.A.M Tengku Puteri Dato' Sri
Hajjah Zahariah, Al-Marhum
Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
Alhaj**

YBhg. Prof. Dato' Dr. Mohd. Azmi
Mohd Lila, Timbalan Naib
Censelor, Universiti Pertanian
Malaysia

**YBhg. Prof. Madya Dr. Abdul
Rahman Abdul Razak Shaik,**
Ketua Pengarah Maktab Koperasi
Malaysia

YBhg. Dato' Hj. Abdullah

Mahmood, Pengarah

Suruhanjaya Koperasi Malaysia,

Wilayah Persekutuan

YBhg. Dato' Yapri Kamaruzaman

Kushairi, Pengerusi LeVida.My

YBhg. Dato' Ismail Nordin,
Pengerusi ANGKASA Wilayah
Persekutuan

YBrs. Encik Ahmad Fauzi Amir,
Pengerusi Koperasi Usahawan
Multimedia Selangor Berhad

**YBrs. Encik Mohamed Zulkarnain
Mohamed, CEO LeVida.My**

Dif-dif jemputan, YBhg. Dato'-
Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan dan
Puan-Puan Yang Dihormati
Sekalian.

1. Alhamdulillah, syukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta,ala kerana dengan limpah rahmat dan keizinan-Nya dapat kita berkumpul bersama-sama dalam **Majlis Perasmian Wisma LeVida.My dan Perjanjian**

Persefahaman Deklarasi Pintar di antara 20 koperasi dan Syarikat
pada malam yang mulia ini.

2. Terlebih dahulu saya merakamkan setinggi-tinggi ucapan penghargaan dan

terima kasih kepada YBhg. Dato' Yapri Kamaruzaman Kushairi, YBrs. Encik Ahmad Fauzi Amir dan Barisan Anggota Lembaga Koperasi Usahawan Multimedia Selangor Berhad atas kesudian mengundang saya ke majlis ini

dan menyampaikan sedikit ucapan.

**Dif-dif jemputan, YBhg. Dato'-
Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan dan
Puan-Puan Yang Dihormati
Sekalian**

3. Sebagai Presiden ANGKASA yang menaungi gerakan koperasi di negara ini, saya merasa sungguh bangga dengan perasmian Wisma LeVida.My, milik Koperasi Usahawan Multimedia Selangor Berhad (KMedia).

Walaupun masih dalam sewa-beli, saya difahamkan koperasi dalam usaha membeli bangunan ini. Syabas dan tahniah kepada Koperasi KMedia.

4. ANGKASA sentiasa menggalakkan koperasi-koperasi memiliki pejabat atau bangunan sendiri dan melabur dalam hartanah. Pelaburan hartanah terbukti paling menguntungkan dan menjanjikan pulangan

lumayan dengan risiko yang rendah berbanding menyimpan dalam simpanan tetap. Ruang pejabat / kedai yang kosong di bangunan boleh disewa kepada pihak luar. Ini bukan sahaja dapat menambah pendapatan

koperasi tetapi juga memberi peluang perniagaan kepada orang kita. Dalam jangka panjang, nilai hartanah dan kadar sewa akan meningkat dengan syarat memilih lokasi yang strategik.

5. Selain itu, pelaburan ini tahan inflasi melalui pulangan tunai dan modal yang semakin meningkat, walaupun dalam krisis ekonomi harganya tetap naik secara konsisten.

6. Jika koperasi memerlukan modal, hartanah berupaya menjadi cagaran kepada pihak bank. Tidak menjadi perkara sukar jika koperasi mahu mencagarkan bangunan/tanah untuk mendapatkan sumber modal

kerana pihak bank percaya bahawa hartanah adalah bernilai untuk dipegang oleh mereka.

7. Koperasi boleh menjadikan aktiviti pelaburan hartanah sebagai satu punca pendapatan

kerana menguruskan pelaburan hartanah tidak memerlukan sumber tenaga kerja yang ramai. Operasi hanya meliputi mencari penyewa, mengutip duit sewa dan membaik pulih hartanah itu. Perniagaan ini menjadi satu trend

koperasi di negara Barat dan semakin berkembang di negara kita.

8. Sudah tiba masanya aktiviti-aktiviti perniagaan koperasi yang bersifat tradisional perlu

ditransformasikan kepada aktiviti-aktiviti perniagaan baru yang lebih luas pasarannya, relevan dengan keadaan semasa, berisiko rendah dan mendatangkan pulangan yang tinggi harus dititikberatkan

koperasi seperti melalui
pelaburan hartanah, bidang
multimedia dan teknologi
maklumat yang menjadi antara
bidang keberhasilan utama yang
difokuskan koperasi negara.

**Dif-dif jemputan, YBhg. Dato'-
Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan dan
Puan-Puan Yang Dihormati
Sekalian**

9. Sektor ICT misalnya, amat
wajar diterokai kerana masih

kurang Bumiputera dan koperasi terlibat dalam bidangkan ini sedangkan ianya menjadi satu keperluan dalam dunia perniagaan dan kehidupan masa kini.

10. Penyediaan perkhidmatan perniagaan atas talian (online system) seperti LeVida.My satu perkhidmatan berinovasi yang sangat diperlukan koperasi-koperasi dalam memasarkan produk dan perkhidmatan secara

setempat, oleh mereka yang pakar dalam bidang ICT. Bagi koperasi/anggota yang kurang mahir dalam ICT dan berhasrat memasarkan produk, inilah platform terbaik untuk mereka.

11. Saya menyeru, koperasi-koperasi/anggota-anggota koperasi di negara ini mengambil peluang dan kemudahan melalui LeVida.My untuk memasarkan produk mereka secara online. Kedai bukan satu kemestian

dalam dunia perniagaan hari ini. Perniagaan boleh dilakukan secara maya dengan hanya memiliki produk. Perniagaan ini lebih menjimatkan dan menguntungkan dan mampu menjana pendapatan lumayan.

Sekiranya ini dapat dilakukan banyak manfaat dapat dikecapi masyarakat dan ahli-ahli koperasi khususnya.

12. Saya percaya sektor koperasi akan menjadi lebih kuat

lagi, jika berani berubah dengan menceburi bidang-bidang baru berimpak tinggi yang diperlukan masyarakat hari ini.

13. Para pemimpin dan warga koperasi di negara ini juga, harus

bijak menguruskan perubahan di persekitaran mereka. Oleh kerana kehendak dan keperluan anggota-anggota juga turut berubah, mereka harus berusaha memahami dan menguasai bidang-bidang perniagaan baru

yang berupaya menawarkan pulangan ekonomi dan keuntungan lebih lumayan kepada koperasi.

14. Mereka juga harus berani untuk meninggalkan cara-cara

lama dalam menguruskan dan mentadbir koperasi. Membuat anjakan pemikiran, menambah ilmu dan harus menyedari bahawa koperasi dan korporat adalah berbeza. Ini penting bagi mengelakkan kita tergelincir

dengan mengejar profit
berbanding kepentingan
anggota koperasi. Di sinilah
pentingnya para pemimpin
koperasi berjiwa dan
bersemangat koperasi serta
berilmu tinggi dalam bidang ini.

15. Akhir sekali, saya mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah dan syabas kepada Koperasi Usahawan Multimedia Selangor Berhad (KMedia). Semoga usaha ini, menyumbang kepada

pembangunan dan kemajuan gerakan koperasi yang lebih baik di negara ini.

16. Saya dengan lafaz Bismillahirrahmanirahim merasmikan **Wisma LeVida.My.**

Sekian. Wabillahi Taufik
Walhidayah.

Assalamu'alaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.